

11 MAR 2001

Umno-Pujuk

PEMUDA UMNO MAHU USAHA PUJUK PAS BERBINCANG DIHENTIKAN

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno hari ini meminta pucuk pimpinan parti supaya menghentikan usaha memujuk Pas bagi mengadakan pertemuan perbincangan perpaduan Melayu jika parti pembangkang itu terus berdolak-dalik mahu menggagalkan pertemuan.

Setiausaha pergerakan itu, Zulkifli Alwi berkata Pas banyak berdolak-dalik dan helah terbarunya ialah apabila Mursyidul Amnya Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mencadangkan supaya hanya sebuah parti sahaja mewakili Melayu.

"Jelas Pas masih mempertikai dan tidak menyakini kesungguhan dan keikhlasan Umno dalam menganjurkan pertemuan itu. Umno seharusnya menghentikan usaha memujuk Pas bagi mengadakan pertemuan itu, jika inilah sikap berterusan yang ditunjukkan oleh parti pembangkang itu," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Nik Aziz semalam telah mencadangkan satu lagi perkara dimasukkan dalam perbincangan perpaduan itu iaitu pembubaran samada Pas atau Umno dengan mengekalkan hanya sebuah parti bagi orang Melayu di negara ini.

Menurut Menteri Besar Kelantan itu, selagi ada dua parti Melayu, selagi itulah orang Melayu akan berpecah dan berbeza pendapat walaupun kedua-duanya mempertahankan perjuangan yang sama.

Zulkifli menyifatkan saranan terbaru Nik Aziz itu sebagai satu lagi sandiwara sikap kedegilan Pas.

"Oleh itu, Pemuda Umno tidak mahu kepimpinan parti terlalu memujuk PAS sehingga Umno dilihat oleh rakyat begitu lemah dan amat memerlukan gandingan dengan Pas. Sudah cukup Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kepimpinan parti berusaha bersungguh-sungguh dan membuktikan keikhlasan mereka kearah perpaduan Melayu," katanya.

Zulkifli berkata kepimpinan Umno sudah mengambil sikap yang cukup terbuka dan bertanggungjawab semata-mata mahu memastikan bahawa kepentingan Melayu dipertahankan daripada ancaman pihak-pihak lain.

Pas pula hanya berminat untuk menjayakan agendanya semata-mata tanpa memikirkan perpaduan Melayu seperti yang ditekankan oleh Umno, ujarnya.

"Pemuda Umno menyesali sikap PAS yang hanya mahu menanggung di air yang keruh dan terlalu mementingkan agenda politik mereka yang sempit," tambah Zulkifli.

-- BERNAMA

RV RV MOZ